

LAWATAN PELAJAR-PELAJAR SMK DATUK PETER MOJUNTIN, PENAMPANG



“ Saya memang bercita-cita untuk meneruskan pengajian di UMS” menurut salah seorang pelajar SMK Datuk Peter Mojuntin, Penampang yang berkunjung ke Sekolah Perniagaan & Ekonomi dalam sesi lawatan ke Universiti Malaysia Sabah. “Universiti ni cantik” menurut salah seorang pelajar ketika ditanya mengenai UMS. Itu merupakan sebahagian dari komen dan jawapan yang diberikan oleh pelajar-pelajar tersebut ketika sesi taklimat dan soaljawab yang diberikan oleh Timbalan Dekan (Akademik & HEP) Pg. Dr. Hassanal Bahar Pg. Bagul pada Mei 2007. Rombongan pelajar tersebut seramai 30 orang bersama 2 orang guru pengiring telah berkunjung ke SPE bagi meninjau peluang menyambung pengajian ke universiti tempatan khususnya UMS. Rombongan pelajar tersebut yang rata-ratanya terdiri dari pelajar Tingkatan Lima begitu bersemangat untuk meneruskan pengajian di UMS kerana mempunyai prasarana yang baik selain berbangga kerana Sabah mempunyai universitinya sendiri. “Ini merupakan salah satu cara pihak sekolah memupuk semangat untuk belajar bersungguh-sungguh demi masa depan mereka” memetik kata-kata salah seorang guru pengiring pelajar terbabit.